

Penilaian Pretasi Pelajar Mdab Yang Mengikuti Program Diploma Pengurusan Dan Teknologi Pejabat, Uitm Pahang: Satu Kajian Kes

Siti Khalijah Majid¹, Rohana Johan²

^{1,2}Faculty of Business Management, Universiti Teknologi MARA Pahang 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia
stxjah@pahang.uitm.edu.my, rohanajohan@pahang.uitm.edu.my

Abstrak: Kajian ini melihat kepada perkembangan prestasi pelajar-pelajar MDAB atau yang mengikuti program Pra Perdagangan di UiTM sebelum mengikuti program Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat. Seramai 106 orang pelajar tahun akhir sesi Mac – Julai 2018 telah dijadikan responden kepada kajian kes ini. Seramai 74 orang dari bilangan tersebut adalah pelajar MDAB dan hanya 32 orang adalah pelajar yang memasuki UiTM dengan keputusan lepasan SPM. Perbandingan dibuat di antara kedua kumpulan ini dan hasil kajian mendapati bahawa bilangan pelajar yang tamat di dalam tempoh adalah 67.2% bagi pelajar MDAB dan 100% dari kumpulan lepasan SPM. Manakala bilangan yang menyambung pengajian adalah 32.8% bagi pelajar MDAB. Kursus yang paling mencabar bagi kedua-dua kumpulan ini ialah kursus ACC106 bagi pelajar lepasan SPM (49%) dan OBM345 bagi pelajar MDAB (33%). Terdapat 17.9% pelajar MDAB yang berjaya menamatkan pengajian dengan sijil dekan sementara pelajar lepasan SPM yang tamat dengan sijil dekan ialah seramai 31.25%. Bagi pelajar ANC pula, terdapat tiga (3) orang pelajar di dalam kalangan pelajar lepasan SPM yang mendapat ANC manakala hanya seorang sahaja dari kalangan pelajar MDAB yang berjaya memperolehi anugerah tersebut. Namun begitu pelajar MDAB yang tamat dengan HPNG 3.00 ke atas adalah seramai 53.8% dan 87.5% bagi pelajar lepasan SPM. Kesimpulannya, peluang yang diberikan oleh UiTM kepada pelajar pra atau MDAB perlu digunakan sebaik mungkin kerana peluang untuk berjaya mendapatkan diploma dan memperbaiki diri sendiri dan keluarga boleh direalisasikan dengan berkat kesungguhan dan usaha dari semua pihak sama ada pelajar, pensyarah maupun institusi itu sendiri.

Kata Kunci: Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat, GOT, MDAB, Pelajar lepasan SPM, HPNG

Pengenalan/Latar Belakang

Program MDAB (Mengubah Destini Anak Bangsa) memang sudah begitu sinonim dengan UiTM. Program yang berorientasikan kepada falsafah utama UiTM iaitu "*Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara*" telah mula dilaksanakan sejak 2010. Dengan keyakinan bahawa setiap individu perlu diberi peluang untuk memperbaiki diri dan martabat keluarga melalui pendidikan, melalui program MDAB UiTM telah berjaya menawarkan beberapa ribu tempat pengajian kepada golongan miskin dan kaum bumiputera di Malaysia. Usaha murni ini dilihat sebagai satu mekanisme untuk membuka jalan kepada setiap individu yang kurang berkemampuan dan berkelayakan untuk tidak menjadikan masalah kewangan dan pencapaian yang kurang memuaskan di dalam Sijil Pelajaran Malaysia mereka sebagai halangan untuk memajukan diri. Dengan kelayakan minima lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat minima 3 kredit termasuk Bahasa Melayu termasuk lulus Matematik/Matematik Tambahan dan lulus Bahasa Inggeris dan Sejarah boleh melayakkan para pelajar ini mengikuti program Pra-Perdagangan di mana-mana cawangan UiTM yang menawarkan program ini. Selanjutnya para pelajar yang berjaya di dalam program Pra ini akan diserapkan ke program Diploma yang bersesuaian dengan pilihan masing-masing. Program popular yang menjadi pilihan para pelajar lepasan Pra Perdagangan ini adalah program Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat (BM/BA118).

Penyataan Masalah

Setiap Fakulti dan Pusat Pengajian mempunyai KPI dan objektif kualiti yang tersendiri yang semestinya bagi memenuhi KPI dan objektif kualiti kampus cawangan. Bagi UiTM Cawangan Pahang, objektif kualiti akademik adalah memastikan yang bilangan kegagalan kursus adalah kurang dari 25%, memperolehi 80% pelajar bergraduat dengan HPNG melebihi 3.0, bilangan pelajar gagal tidak melebihi 3%, pelajar yang dianugerahkan Sijil Dekan melebihi 10% dan pelajar yang mendapat ANC melebihi 1%. Apa yang menjadi kebimbangan Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan (PPPG) yang menawarkan program BA/BM118 ini adalah mampukah pihak pusat pengajian mencapai objektif kualiti akademik yang diingini oleh kampus cawangan ini? Dengan bilangan kemasukan dari kumpulan pelajar MDAB yang begitu ramai, melebih 50% bilangan enrolmen, pihak pusat pengajian perlu mengenalpasti faktor penyumbang dan penyebab kepada keupayaan dankekangan pihak pusat pengajian mencapai matlamat yang diidamkan.

Mencapai objektif kualiti akademik memang menjadi impian setiap fakulti dan pusat pengajian, namun pelbagai kekangan yang menjadikan faktor kejayaan menjadi halangan. Dengan bilangan kemasukan para pelajar MDAB dengan begitu ramainya di dalam program Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat, sedikit sebanyak boleh menyebabkan objektif kualiti PPPG tidak dapat dicapai. Namun begitu, pihak PPPG sering bersikap positif terhadap isu ini dan sentiasa berusaha menjalankan amanah tugas dengan baik sekali bagi memastikan objektif kualiti PPPG tidak terjejas. Banyak juga komen-komen yang diterima dari rakan-rakan tenaga pengajar, begitu juga dengan pengalaman penyelidik sendiri mengenai cabaran yang dihadapi bila mengajar para pelajar dari kumpulan ini (MDAB), namun faktor kejayaan atau kegagalan bukan berpunca dari satu sumber sahaja, kerana banyak lagi faktor-faktor penyumbang yang dapat mempengaruhi sesuatu kejayaan atau kegagalan itu.

Objektif Kajian Kes

Oleh yang demikian, kajian kes ini ingin melihat kepada pencapaian yang diperolehi oleh anak-anak MDAB (Pra perdagangan) yang telah diberi peluang mengikut pengajian Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat (BM/BA118) sama ada mereka dapat mengikuti program ini dengan jayanya berbanding dengan para pelajar lepasan SPM.

Selain itu, kajian kes ini juga bertujuan untuk mengetahui kadar peratus pelajar yang dapat menamatkan pengajian di dalam tempoh (GOT) dan yang gagal menamatkan pengajian di dalam tempoh (terpaksa menyambung pengajian ke peringkat seterusnya) serta kod subjek yang paling mencabar berbanding dengan pelajar lepasan SPM yang memasuki UiTM di dalam program yang sama iaitu BM/BA118. Memandangkan kelayakan minima Bahasa Inggeris bagi pelajar MDAB adalah Lulus, kemungkinan besar mereka menghadapi masalah kerana UiTM menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium pengajian dan pembelajaran (P&P) di dalam kuliah. Para pelajar perlu berusaha lebih gigih untuk menguasai setiap kursus dengan baik bagi membolehkan mereka mampu memahami dan menjawab soalan dengan cemerlang.

Untuk makluman, Program BM/BA118 mempunyai dua (2) kategori kursus, iaitu kursus membaca dan kursus kemahiran seperti menaip, komputer dan simulasi pejabat. Sebanyak empat (4) kod kursus yang melibatkan kemahiran dan sebanyak tujuh (7) kod kursus membaca yang menjadi cabaran bagi para pelajar ini tidak kira sama ada mereka dari pelajar Pra mahupun pelajar lepasan SPM.

Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan bahawa hasil dari analisa ini, pihak yang berwajib dapat mengenalpasti pencapaian sebenar pelajar-pelajar ini dan membuat perancangan yang lebih teratur dan konsisten di dalam memastikan misi dan visi UiTM berjaya direalisasikan. Di samping itu juga pihak fakulti juga boleh membuat penambahbaikan sama ada dari segi tenaga pengajar mahupun infrastruktur yang dapat menyokong kepada kejayaan program yang ditawarkan di UiTM ini. Selain dari itu, pihak yang bertanggungjawab juga boleh mendapat input dalam membuat perancangan mengenai enrolmen pelajar di masa akan datang. Bagi pihak pemegang taruh (stakeholder) pula, diharapkan maklumat ini boleh digunakan untuk menilai program yang bersesuaian dengan kebolehan dan kemampuan kumpulan pelajar ini agar usaha membantu golongan berkepentingan ini tidak menjadi sia-sia.

Kajian Literatur

Program Pengurusan dan Teknologi Pejabat (BM/BA118) merupakan program di bawah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Terdapat beberapa cawangan UiTM yang menawarkan program ini iaitu di UiTM Melaka, UiTM Kedah, UiTM Terengganu, UiTM Sarawak dan UiTM Jengka. Selain itu, program ini juga ada ditawarkan secara usahasama dengan beberapa kolej di seluruh negara di bawah pentadbiran dan pengurusan INeD.

Peluang untuk belajar adalah kaedah yang amat berkesan untuk mengubah nasib sesuatu kaum. Menurut Lagace (2002), orang yang ingin berjaya selalunya akan menggunakan keadaan dan peluang yang sedia ada untuk menjadi yang terbaik. Menurut Kuh, Kinzie, Buckley, Bridges & Hayek (2006), banyak faktor yang mempengaruhi pelajar lemah ini untuk berjaya dan di antaranya ialah interaksi bersama rakan sebaya, pendedahan kepada kepelbagaian (individu, latarbelakang, sosio budaya dan sebagainya) serta perkongsian dan sokongan di dalam sistem pembelajaran. Ada kajian yang menunjukkan bahawa kepelbagaian boleh meningkatkan keyakinan diri, merangsang pemikiran yang positif dan meningkatkan perkembangan sosial dan kognitif dan secara tidak langsung mengemudi para pelajar menjadi tenaga kerja yang lebih dinamik (ACE, 2018). Bagi Anthony (2017) pula percaya bahawa keberkesanan dalam melahirkan insan berjaya adalah terletak di atas potensi meningkatkan faktor kejayaan bukan kognitif yang dimiliki oleh para pelajar ini.

Pepatah juga ada mengatakan “tidak kira di mana anda bermula, yang penting adalah di mana anda berakhir” Ini merupakan satu kata-kata semangat yang membuatkan falsafah UiTM begitu tepat sekali dalam membantu generasi ini mengubah destinasi menuju kejayaan. Pendidikan merupakan satu faktor utama kepada membina kejayaan, tetapi ianya perlu disulami dengan faktor-faktor penyumbang yang lain seperti sikap positif, motivasi diri yang mantap dan bijak merebut peluang yang ada untuk melangkah ke pintu kecemerlangan. Melalui program MDAB ini, pihak UiTM membuka ruang dan peluang untuk para pelajar ini menceburi bidang profesionalisme yang mungkin tidak pernah terfikir oleh mereka untuk mencubanya. Terdapat beberapa orang tokoh akademik dan usahawan berjaya contohnya Prof. Emeritus Tan Sri Dato Sahol Hamid, mantan VC UiTM dan juga Jack Ma seorang usahawan berjaya dari China, bermula dengan penghidupan yang amat menyedihkan, namun berkat usaha dan peluang yang disediakan telah dapat mengubah nasib diri dan keluarga serta memberikan impak yang besar kepada negara dan masyarakat khususnya. Kejayaan tokoh-tokoh ini membuktikan bahawa, sikap dan jati diri yang mantap/jitu/kuat tanpa mengenal putus asa dan mudah mengalah, boleh dijadikan contoh tauladan yang baik untuk anak bangsa mengikutnya. Kisah di atas boleh dijadikan sebagai satu dorongan untuk memperbaiki diri dan mengubah nasib keluarga.


Metodologi

Data diperolehi dari dua (2) sumber: soal selidik kepada pelajar, dan maklumat peribadi pelajar. Kebenaran telah diperolehi dari pihak HEA untuk mendapatkan maklumat tersebut kerana ianya adalah sulit dan hanya digunakan untuk tujuan kajian kes ini sahaja. Bilangan pelajar yang terlibat adalah seramai 106 orang pelajar bahagian semester akhir (Semester Mac – Julai 2018) di mana 74 orang adalah bekas pelajar MDAB dan 32 orang adalah pelajar yang masuk ke UiTM dengan kelayakan SPM (5 kredit). Dari 74 orang pelajar tersebut, terdapat 15 orang pelajar yang telahpun berada di semester 6 & 7. Bagi kiraan pelajar GOT (Tamat dalam tempoh pengajian, bilangan 15 orang pelajar ini tidak diambil kira. Bilangan yang diambil kira untuk GOT dan nilai HPNG dan pencapaian semasa semester akhir adalah seramai 39 orang pelajar MDAB dan 32 orang pelajar lepasan SPM, menjadikan bilangannya 71 orang. Baki 20 orang pelajar MDAB bahagian 5 tidak dapat menambatkan pengajian di dalam tempoh dan terpaksa menyambung pengajian ke semester 6. Walau bagaimanapun, hasil dapatan lain mengambil kira kesemua pelajar tahun akhir tidak kira mereka dari bahagian 5, 6 ataupun 7.


Hasil Dapatan

i. Tamat Pengajian di dalam tempoh (GOT)

Perbandingan dibuat di antara pelajar MDAB dan pelajar SPM mendapati bahawa sebanyak 100% pelajar SPM berjaya menamatkan pengajian di dalam tempoh iaitu 5 semester manakala hanya 67.20% sahaja pelajar MDAB yang berjaya menamatkan pengajian di dalam tempoh. Walaupun peratusannya lebih rendah dari pelajar SPM namun ia menunjukkan bahawa lebih dari 50% pelajar telah berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya.



Rajah 1: Tamat Pengajian dalam Tempoh (GOT)




Rajah 2: Bilangan yang menyambung pengajian

Rajah 2 menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang menyambung pengajian ke peringkat seterusnya (tidak dapat tamat dalam tempoh) adalah sebanyak 32.8% bagi pelajar MDAB dan tiada seorang pun bagi pelajar lepasan SPM. Kebanyakan mereka menyambung ke semester 6 sebelum menamatkan pengajian, dan hanya beberapa orang pelajar yang terpaksa menyambung hingga ke sem 7 dan 8 iaitu seramai 4 orang (6.9%).

ii. PNG/HPNG


Bagi pencapaian HPNG pada semester akhir pula, seramai 18 orang pelajar MDAB (30.5%) memperolehi HPNG di antara 2.01 – 2.99 dan 3.0 – 3.49. Manakala pelajar MDAB yang berjaya memperolehi HPNG lebih dari 3.50 adalah hanya seramai 3 orang (5.08%) dan salah seorangnya berjaya mendapat ANC. Namun begitu, bilangan pelajar MDAB yang tamat dengan sijil dekan (TS) adalah seramai 7 orang (11.9%).




Rajah 3 (a): HPNG Semester Akhir (MDAB)

Rajah 3 (b): HPNG Semester Akhir (SPM)

Bagi pelajar lepasan SPM pula, bilangan yang berjaya tamat dengan mencapai HPNG melebihi 2.01-2.99 adalah seramai 4 orang (12.5%) dan 21 orang (65.6%) berjaya mendapat HPNG di antara 3.00 – 3.49. Rajah di atas juga menunjukkan bahawa seramai 7 orang (21.9%) telah berjaya mendapat HPNG melebihi 3.50 dan 3 (9.38%) di antaranya adalah pelajar penerima anugerah ANC. Bilangan yang tamat dengan PNG/TS melebihi 3.50 adalah seramai 10 orang bersamaan dengan 31.25%.





Rajah 4 (a): Pencapaian Semester Akhir (SPM)



Rajah 4 (b): Pencapaian Semester Akhir MDAB)

iii. Kod Kursus yang paling mencabar


Hasil dapatan mengenai perkara di atas dapat dilihat di dalam Rajah 5 (a) & (b) bagi kedua-dua kumpulan pelajar. Ketiga-tiga kod tersebut adalah ACC106 (Introduction to Financial Accounting), OBM340 (Principles of Corporate Compliance) dan OBM345 (Administrative Office Management) merupakan tiga kod yang paling mencabar bagi kedua-dua kategori pelajar (MDAB dan SPM) bahagian akhir iaitu semester 5. Untuk makluman, ketiga-tiga kod ini merupakan kod yang menghalang mereka tamat dalam tempoh dan mereka perlu mengulang atau mengambil peperiksaan khas bagi membolehkan mereka tamat dengan jayanya di dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 5 semester (2 ½ tahun pengajian).



Rajah 5 (a) dan 5 (b): Peratusan Kod Kursus yang Paling Mencabar


iii. Kod Kursus Membaca dan Kod Kursus Kemahiran

Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan di antara pilihan kod membaca yang paling mencabar di antara kedua kumpulan pelajar ini. Kedua-dua kod yang paling mencabar bagi pelajar MDAB adalah kod semester akhir iaitu OBM345 (Adminstrative Office Management) dan OBM340 (Principles of Corporate Compliance), manakala bagi pelajar lepasan SPM pula, kod yang paling mencabar adalah ENT300 yang juga merupakan kod semester akhir.



Rajah 6 (a) dan 6 (b): Kod Membaca Paling Mencabar (MDAB dan SPM)

Bagi kod kemahiran (skill subjects), kedua-dua kumpulan pelajar mengakui bahawa OBM200 (Executive Notetaking) agak mencabar kerana manakala pelajar lepasan SPM beranggapan bahawa kod OBM320 (Office Simulation) lebih mencabar berbanding dengan pelajar MDAB.



Rajah 7 (a & b): Kod Kemahiran Yang Paling Mencabar (MDAB & SPM)

Perbincangan

Secara keseluruhannya, pencapaian pelajar MDAB tidaklah begitu teruk sehingga boleh menjelaskan pencapaian kualiti akademik PPPG. Dari analisa yang diperolehi, ianya membuktikan bahawa para pelajar ini boleh berjaya setanding dengan para pelajar lepasan SPM. Walaupun hasilnya perbandingan Nampak berbeza dari segi pilihan kod kursus membaca dan kursus kemahiran yang mencabar namun, di akhir pelaporan prestasi mereka menunjukkan yang mereka berjaya menamatkan

pengajian di dalam tempoh yang ditetapkan. Apa yang mengagumkan ialah pihak PPPG telah berjaya mencapai 5 bintang di dalam objejtif kualiti akademik bagi semester lepas di mana tiada kegagalan melebihi 25% di dalam kod kursus, bilangan pelajar gagal juga tidak mencapai 3%, pelajar yang mendapat anugerah dekan juga melebihi 10%, pelajar bergraduat dengan HPNG melebihi 3.00 juga melebihi 80% dan lebih dari 1% pelajar BM118 telah mendapat Anugerah Naib Canselor (ANC). Cabaran yang dihadapi oleh pihak tenaga pengajar memang telah dijangka (dengan kehadiran pelajar MDAB yang ramai itu) dan pihak tenaga pengajar amat prihatin dengan kekangan yang ada dan sentiasa bersedia membantu para pelajar ini sebaik mungkin untuk menjalani proses P&P dengan jayanya. Namun begitu, kaji selidik ini tidak melihat kepada faktor-faktor lain yang menjadi penyumbang kepada pencapaian prestasi para pelajar ini sepanjang proses P&P. Oleh yang demikian, pihak penulis ingin mencadangkan agar faktor lain juga diambil kira dalam kajian akan datang untuk mengenalpasti faktor utama yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan pelajar-pelajar ini, termasuk juga kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh tenaga pengajar PPPG dalam membantu merealisasikan impian dan harapan UiTM keseluruhannya. Peluang yang diberikan oleh UiTM untuk melihat anak bumiputera dan golongan yang kurang berkemampuan ini mengubah diri untuk menuju ke suatu destinasi yang lebih maju nampaknya telah berjaya digalas oleh tenaga pengajar PPPG dengan begitu baik sekali.

Kesimpulan

UiTM, secara umumnya telah berjaya memainkan peranannya sebagai satu platform untuk golongan ini merealisasikan impian masing-masing untuk menjadi insan-insan yang berjaya. Oleh itu peluang yang disediakan perlu digunakan sebaik mungkin. Seperti yang terdapat di dalam falsafah UiTM yang berkeyakinan bahawa “Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara” telah berjaya dibuktikan dengan program pra (MDAB) yang ditawarkan kepada kaum bumiputera. Semoga UiTM terus berperanan untuk meneruskan usaha murni ini dalam memartabatkan bangsa.

RUJUKAN

American Council On Education. Meeting The Needs Of Underserved Students
<https://www.higheredtoday.org/policy-research/student-support-success/meeting-needs-underserved-students/2018>.

Andrea Dinan, Three Strategies for Serving Underserved Students, 2018
http://blogs.edweek.org/edweek/global_learning/2018/05/three_strategies_for_serving_underserved_students.html

[Elizabeth Anthony](#) How to Measure Success Without Academic Achievement 2017.

Gregory Wolniak, Stella Flores, and James Kemple, How Can We Improve College Success for Underserved Students? Through Early, Sustained, and Multifaceted Support, Education Solutions Initiative September 2016. **Harvard Business School**
<http://www.act.org/content/dam/act/unsecured/documents/stem-underserved-learner.pdf>

<http://yayasan-destini.blogspot.com/2014/03/yayasan-budiman-uitm-berjaya-kumpul.html>
<https://afterschool.my/bm/berita/program-destini-anak-bangsa-dab-uitm-buka-peluang-kedua-lepasan-spm>

<https://www.edsurge.com/news/2017-11-22-how-to-measure-success-without-academic-achievement>

Kuh, George D., Kinzie, Jillian, Buckley, Jennifer A., Bridges, Brian K. & Hayek John C. (2006), What Matters to Student Success: A Review of the Literature, Commissioned Report for the Understanding the Underserved Learner 2014.

Laura I. Rendón. Re-conceptualizing Success for Underserved Students in Higher Education, National Postsecondary Education Corporative, 2006.

Laura Nash & Howard Stevenson, Secret to Success: Go for “Just Enough, 2004.

Martha Lagace Four Keys of Enduring Success: How High Achievers Win2002,
<https://hbswk.hbs.edu/item/four-keys-of-enduring-success-how-high-achievers-win>

National Symposium on Postsecondary Student Success: Spearheading a Dialog on Student Success.

[Nazree Ahmad@Muhamad & Junaidah Md Sani](#), Program Mengubah Destini Anak Bangsa(MDAB) Satu Ancaman Kepada Tingkatan 6? -Kajian kes di Maran, Pahang, Seminar Kebangsaan Mengubah Destini Anak Bangsa (SKMDAB), 2012.